

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN MASIR KUJAT [SRI AMAN]

TARIKH : 7.10.2014

SOALAN :

Tuan Masir Kujat [Sri Aman] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status permohonan Pemindahan SK Bakong ke tapak baru setelah didapati sekolah yang ada telah uzur dan sering mengalami banjir.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sememangnya prihatin terhadap keperluan projek gantian bagi SK Bakong. Permohonan peruntukan bagi projek gantian SK Bakong ke tapak baharu telah pun dikemukakan dalam RMKe-10 namun tidak diluluskan kerana peruntukan yang terhad. Justeru, KPM akan melanjutkan permohonan ini ke dalam RMKe-11.